

Kos tinggi, kurang kepakaran teknikal

UB 11.12.13 13

KOTAKINABALU: Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam sekitar, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata bukan mudah untuk mengeluarkan filem yang bermutu tinggi di Sabah kerana kos yang agak tinggi.

Katanya walaupun negeri ini mempunyai ramai orang yang berbakat dalam bidang perfileman tetapi perkakas agak kurang dan terpaksa membawanya daripada luar untuk membuat filem di Sabah.

“Kita juga kurang kepakaran teknikal dan ini menjadi penghalang/hambatan utama kepada pengeluar filem bermutu di Sabah. Dahulu ada cadangan untuk menjadikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai satu pusat kecermalangan bagi pembikinan filem tempatan, mungkin ini sesuatu yang boleh dilihat semula oleh UMS agar ia menjadi katalis kepada perkembangan industri perfileman itu sendiri.

“Ini tidak akan berlaku sekelip mata kerana sesuatu yang cemerlang mengambil

masa untuk membuahkan hasil yang baik.

“Harapan kita haruslah bersandarkan realiti yang ada sekarang, bahawa bukan terlalu mudah untuk mengeluarkan filem yang bermutu tinggi sekelip mata di Sabah,” katanya.

Masidi berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya sama ada Sabah akan mengikuti langkah Kesatuan Festival Filem Eropah Ke-14 (EUFF-14) yang telah mengadakan tayangan di Sabah dalam usaha mewujudkan perkongsian kekayaan warisan budaya di Sabah dan kesatuan itu.

Beliau sebelum itu telah merasmikan Seminar Maritim Sabah bertajuk ‘Pembangunan Sektor Maritim Didalam Perkapalan Sabah: Minyak dan Gas, dan Keselamatan Maritim’, di Pacific Sutera Harbour Resort kelmarin. Turut hadir Pengarah Jabatan Maritim Malaysia Wilayah Sabah, Rosnan Fathlal.



MASIDI menerima cenderhati daripada Rosnan pada majlis berkenaan.